


No. Fail: 20190100614	LAPORAN KETAKAKURAN (NONCONFORMITY REPORT)	No. : DMM1																								
Jenis Audit : ☐ Audit Pensiilan Peringkat 2 ☒ Audit Pemantauan	Klasifikasi : Kecil / Besar	Mukasurat 1 drpd 1																								
☐ Audit Pensijilan Semula	Standard : ISO 9001:2015	Tarikh Audit: 17 hingga 27/9/2019																								
Organisasi : Universiti Putra Malaysia																										
Bahagian 1 - Butiran Ketakakuran																										
Keperluan : 8.5.1 (c) Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan																										
Organisasi hendaklah melaksanakan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan dalam keadaan terkawal dimana pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai untuk menentusahkan bahawa kriteria kawalan proses atau output, dan kriteria penerimaan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi;																										
Penemuan : Penemuan audit mendapati pemberatan markah dalam rekod pemantauan markah dan gred berbeza dan tidak diseragamkan dengan pemberatan dalam struktur kursus.																										
Bukti Penemuan :																										
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Sem/ Sesi</th> <th>Kod kursus</th> <th colspan="2">Rangka Kursus [%]</th> <th colspan="2">Senarai Markah Penilaian [Markah & Gred [%]]</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th>Kerja kursus</th> <th>Kerja-kursus Pep. Akhir</th> <th>Kerja Kursus</th> <th>Pep.Akhir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2/2018/2019</td> <td>LAR 5501</td> <td>80</td> <td>20</td> <td>60</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>2/2018/2019</td> <td>LAN 3302</td> <td>70</td> <td>30</td> <td>60</td> <td>40</td> </tr> </tbody> </table>	Sem/ Sesi	Kod kursus	Rangka Kursus [%]		Senarai Markah Penilaian [Markah & Gred [%]]				Kerja kursus	Kerja-kursus Pep. Akhir	Kerja Kursus	Pep.Akhir	2/2018/2019	LAR 5501	80	20	60	40	2/2018/2019	LAN 3302	70	30	60	40		
Sem/ Sesi	Kod kursus	Rangka Kursus [%]		Senarai Markah Penilaian [Markah & Gred [%]]																						
		Kerja kursus	Kerja-kursus Pep. Akhir	Kerja Kursus	Pep.Akhir																					
2/2018/2019	LAR 5501	80	20	60	40																					
2/2018/2019	LAN 3302	70	30	60	40																					
Juruaudit :  (Dr Montaj Mustakim)	Wakil Organisasi :  (Prof. Dr. Amin Ismail) PROF. DR. AMIN ISMAIL Wakil Pengurusan Universiti Putra Malaysia																									
Bahagian 2 - Keputusan hasil penyiasatan dan pengenalpastian punca																										
Rujuk Lampiran 1 (Bahagian 2)																										
Wakil Organisasi :  (Prof. Dr. Amin Ismail)																										
Bahagian 3 - Pembetulan, sekiranya berkenaan dan Pelan Tindakan Pembetulan termasuk tarikh pelaksanaan																										
Rujuk Lampiran 1 (Bahagian 3)																										
Wakil Organisasi :  (Prof. Dr. Amin Ismail)	Diterima oleh : _____ ()																									
Bahagian 4 - Verifikasi terhadap tindakan pembetulan (untuk diisi oleh Juruaudit)																										
Disemak oleh : _____ ()	Penutupan NCR : ☐ Ya ☐ Tidak Tarikh : _____																									

BAHAGIAN 2: KEPUTUSAN HASIL PENYIASATAN DAN PENGENALPASTIAN PUNCA

Kurang kefahaman berkenaan proses yang telah dinyatakan dalam prosedur berikut:

- (a) Prosedur Pengendalian Kursus, Prosedur Penyediaan, Pelaksanaan dan Pengendalian Penilaian (bagi skop Prasiswazah)
- (b) Prosedur Semakan Semula Kursus Pengajian Siswazah dan Arahan Kerja Pengendalian Kuliah (bagi skop Siswazah)

BAHAGIAN 3: PEMBETULAN SEKIRANYA BERKENAAN DAN PELAN TINDAKAN PEMBETULAN DAN TARIKH PELAKSANAAN:**3.1 Pembetulan (jika ada)**

Tiada

3.2 Pelan Tindakan Pembetulan

- (a) Peringatan kepada semua PTJ dan bawa isu ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU) yang dianggotai oleh semua Dekan untuk pemakluman dan tindakan semua PTJ

[Tindakan peneraju Prasiswazah].
- (b) Peringatan kepada semua PTJ dan bawa isu ini ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU) untuk pemakluman dan tindakan semua PTJ

[Tindakan peneraju Siswazah].

Tarikh Pelaksanaan:
2 Januari 2020

BAHAGIAN 4: BUKTI YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PIHAK SIRIM**Prasiswazah:**

- Surat peringatan kepada PTJ bertarikh 3 Disember 2019
- Petikan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU) – hanya boleh disemak keberkesanan semasa audit SIRIM akan datang kerana Mesyuarat JKUU akan diadakan pada 26 Disember 2019.

Siswazah:

- Surat peringatan kepada PTJ bertarikh 18 Disember 2019
- Petikan minit Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU) – hanya boleh disemak keberkesanan semasa audit SIRIM akan datang kerana Mesyuarat JKPSU akan diadakan pada 2 Januari 2020.

Lampiran
BUKTI PELAKSANAAN TINDAKAN
NCR-01: DDM

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
OFFICE OF DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC & INTERNATIONAL)

Rujukan Kami : UPM/600-4/1/1
Tarikh : 3 Disember 2019

Senarai Edaran
Seperti di Lampiran I

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENILAIAN MERUJUK RANGKA KURSUS TERKINI YANG
DILULUSKAN OLEH SENAT ATAU JAWATANKUASA KURIKULUM
UNIVERSITI (JKKU)**

Dengan hormat dimaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima satu ketakakuran semasa Audit Pemantauan QMS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM pada 27 September 2019 yang berkaitan dengan "kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan" di peringkat prasiswazah, dengan penemuan bahawa **pemberat markah dalam rekod pemantauan markah dan gred berbeza dan tidak seragam dengan pemberat dalam rangka kursus yang diluluskan.**

2. Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian YBhg. Prof./tuan/puan terhadap ketetapan berkaitan dengan pelaksanaan penilaian di UPM yang perlu dipatuhi oleh Pensyarah, Penyelaras Kursus, Ketua Jabatan dan Timbalan Dekan Akademik seperti berikut:

- (i) Prosedur Penyediaan, Pelaksanaan Dan Pengendalian Penilaian (UPM/PU/PS/P009) telah menetapkan setiap pensyarah **perlu merujuk kepada rangka kursus untuk melaksanakan penilaian;**
- (ii) Prosedur Pengendalian Kursus (UPM/PU/PS/P007) pula menetapkan setiap Pensyarah dan Penyelaras Kursus perlu menyediakan rancangan pengajaran (RP) melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk semua kursus merangkumi **rangka kursus, tarikh ujian dan peperiksaan, dan menyediakan rancangan penaksiran berpandukan julat peratus penaksiran terkini yang diluluskan Senat.** Seterusnya, Ketua Jabatan dan/atau Timbalan Dekan Akademik perlu mengesahkan rancangan penaksiran itu selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester;
- (iii) Senat UPM dalam mesyuaratnya yang ke-639 pada 12 Oktober 2017 telah bersetuju mengesahkan ketetapan Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU) bahawa sebarang cadangan perubahan rangka kursus termasuk pemberat penilaian perlu diluluskan oleh JKJU

sebelum dilaksanakan. Perubahan ini boleh dilaksanakan tanpa menunggu tamat tempoh pusingan lima (5) tahun semakan kurikulum program pengajian. Senat seterusnya dalam mesyuaratnya yang ke-641 pada 9 November 2017 telah bersetuju mengesahkan ketetapan JKKU tentang nisbah dan julat penaksiran berterusan dan penaksiran akhir, iaitu kerja kursus (60%-100%) dan peperiksaan akhir (0%-40%);

- (iv) Sungguhpun Universiti membenarkan penggunaan pelbagai kaedah penaksiran bagi mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus yakni tidak terhad kepada peperiksaan akhir yang mengukur tahap pencapaian kognitif pelajar, sebarang perubahan peratus penaksiran atau penilaian perlu diluluskan oleh JKKU [perenggan kecil (iii) di atas adalah berkaitan]. Tambahan lagi Bahagian Urus Tadbir Akademik akan dapat mengemas kini maklumat penilaian dan perubahan kurikulum dalam SMP berdasarkan kelulusan itu.

3. Oleh demikian, besar harapan kiranya YBhg. Prof./tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada Timbalan Dekan Akademik, Ketua Jabatan Penyelaras Kursus, Pensyarah, Timbalan Wakil Pengurusan, dan Pegawai Tadbir (Akademik) Fakulti masing-masing supaya sebarang proses berkaitan dengan penilaian atau penaksiran kursus dijalankan mengikut prosedur yang berkuat kuasa sebagai tindakan pembetulan.

4. Atas keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg. Prof./tuan/puan itu saya dahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERILMU BERBAKTI'

Saya yang menjalankan amanah,



ROSDI BIN WAH

Ketua Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa/
Setiausaha Senat

Salinan: -Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
-Semua Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti
-Ketua Bahagian Urus Tadbir Akademik

1. Dekan, Fakulti Pertanian
2. Dekan, Fakulti Perhutanan
3. Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
4. Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
5. Dekan, Fakulti Kejuruteraan
6. Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
7. Dekan, Fakulti Sains
8. Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
9. Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
10. Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
11. Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Seni
12. Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
13. Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
14. Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
15. Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar
16. Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan UPMKB



SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
SCHOOL OF GRADUATE STUDIES

Ruj. Kami: UPM/600-4/2/7
Tarikh: 18 Disember 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENILAIAN MERUJUK RANGKA KURSUS TERKINI YANG
DILULUSKAN OLEH SENAT ATAU JAWATANKUASA PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI (JKPSU)**

Dengan hormat dimaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima satu ketakakuran semasa Audit Pemantauan QMS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM pada 27 September 2019 yang berkaitan dengan "kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan" di peringkat pasca siswazah, dengan penemuan bahawa **pemberat markah dalam rekod pemantauan markah dan gred berbeza dan tidak seragam dengan pemberat dalam rangka kursus yang diluluskan.**

2. Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian YBhg. Prof./tuan/puan terhadap ketetapan berkaitan dengan pelaksanaan penilaian di UPM yang perlu dipatuhi oleh Pensyarah, Penyelaras Kursus, Ketua Jabatan dan Timbalan Dekan Siswazah seperti berikut:

- (i) Prosedur (UPM/PU/S/P005) Pengendalian Pengajaran Kursus Pengajian Siswazah telah menetapkan setiap pensyarah **perlu merujuk kepada rangka kursus untuk melaksanakan penilaian;**

Arahan Kerja (UPM/PU/S/AK07/01) Pengendalian Kuliah pula menetapkan setiap Pensyarah dan Penyelaras Kursus perlu menyediakan rancangan pengajaran (RP) melalui Sistem *Putra Blast* untuk semua kursus merangkumi **rangka kursus, tarikh ujian dan peperiksaan, dan menyediakan rancangan penaksiran berpanduan julat peratus penaksiran terkini yang diluluskan Senat.** Seterusnya, Ketua Jabatan dan/atau Timbalan Dekan Siswazah perlu mengesahkan rancangan penaksiran itu selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester;

- (ii) Senat UPM dalam mesyuaratnya yang ke-639 pada 12 Oktober 2017 telah bersetuju mengesahkan ketetapan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU) bahawa sebarang cadangan perubahan rangka kursus termasuk pemberat penilaian perlu diluluskan oleh JKPSU sebelum dilaksanakan. Perubahan ini boleh dilaksanakan tanpa menunggu tamat tempoh pusingan lima (5) tahun semakan kurikulum program pengajian. Senat seterusnya dalam mesyuaratnya yang ke-641 pada 9 November 2017 telah bersetuju mengesahkan ketetapan JKPSU tentang nisbah dan julat penaksiran berterusan dan penaksiran akhir, iaitu kerja kursus (60%-100%) dan peperiksaan akhir (0%-40%);
- (iii) Sungguhpun Universiti membenarkan penggunaan pelbagai kaedah penaksiran bagi mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus yakni tidak terhad kepada peperiksaan akhir yang mengukur tahap

pencapaian kognitif pelajar, sebarang perubahan peratus penaksiran atau penilaian perlu diluluskan oleh JKPSU [perenggan kecil (iii) di atas adalah berkaitan]. Tambahan lagi Sekolah Pengajian Siswazah akan dapat mengemas kini maklumat penilaian dan perubahan kurikulum dalam *IGIMS* berdasarkan kelulusan tersebut.

3. Oleh demikian, besar harapan kiranya YBhg. Prof./tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada Timbalan Dekan Siswazah, Ketua Jabatan Penyelaras Kursus, Pensyarah, Timbalan Wakil Pengurusan, dan Pegawai Tadbir (Siswazah) Fakulti masing-masing supaya sebarang proses berkaitan dengan penilaian atau penaksiran kursus dijalankan mengikut prosedur yang berkuat kuasa sebagai tindakan pembetulan.

4. Atas keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg. Prof./tuan/puan itu saya dahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERILMU BERBAKTI'

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. ROBIAH YUNUS
Dekan

Salinan: -Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 -Semua Timbalan Dekan (Siswazah) Fakulti

LAMPIRAN I

1. Dekan, Fakulti Pertanian
2. Dekan, Fakulti Perhutanan
3. Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
4. Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
5. Dekan, Fakulti Kejuruteraan
6. Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
7. Dekan, Fakulti Sains
8. Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
9. Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
10. Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
11. Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina
12. Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
13. Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
14. Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
15. Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar
16. Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan UPMKB